

REAKSI ORANG MUDA



"INSTITUSI keluarga memainkan peranan paling penting dengan mencorak gaya hidup yang dapat dicontohi anak-anak mereka. Selalunya pelajar Cina mereka tidak mudah mengalah dalam mengerjakan suatu perkara malah sentiasa cuba untuk maju ke hadapan. Daripada situ telah wujud semangat berlumba yang sihat dalam akademik."

**NOR AMIRA FARHANA
AHMAD ZAILANI**
**Universiti Kebangsaan
Malaysia**



"TIADA persaingan dalam pelajaran dalam kalangan Melayu bukanlah satu isu yang baharu jika dibandingkan dengan pelajar Cina. Mungkin pelajar Melayu sudah cukup selesa dengan keistimewaan sedia ada dan mempunyai mentaliti 'ada peluang untuk Melayu'. Sedangkan pelajar Cina bersaing sesama mereka sendiri kerana mereka mahukan kehidupan yang lebih baik. Untuk mengatasi dan menaikkan pencapaian akademik pelajar Melayu perlu ubah persepsi mereka dan perlu ada semangat untuk bersaing menjadi yang cemerlang."

**MUHAMMAD FARID
BAHRUDIN**
**Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia**

SEMANGAT BERLUMBA-LUMBA PELAJAR MELAYU DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK KURANG MEMBERANGSANGKAN BERBANDING PELAJAR CINA DI UNIVERSITI. SETUJUKAH?

"TIDAK dinafikan memang benar ada segelintir mahasiswa Melayu kini kurang bersemangat untuk berlumba dalam pencapaian akademik mereka berbanding dengan mahasiswa Cina. Bagi pendapat saya, mahasiswa Melayu sudah terlalu selesa dengan segala kemudahan yang telah disediakan untuk kepentingan masyarakat Melayu dan menyebabkan semangat daya saing mahasiswa Melayu kurang berbanding kaum lain. Keselesaan yang diberikan ini sedikit sebanyak telah membuatkan kita lupa erti kepayaan dan nikmat dalam mencapai sesuatu kejayaan. Saya merasakan bahawa rakan-rakan yang lain perlu sedar bahawa kesenangan yang kita kecap i sekarang tidak selamanya akan kekal sekiranya kita masih di tampuk lama."

NAIMAH MD. AKBAL
Universiti Putra Malaysia



"KURANG setuju kerana tidak kira Melayu atau Cina, jika mereka mempunyai semangat berdaya saing untuk berjaya dalam akademik maka mereka akan berusaha untuk mencapainya. Namun tidak dinafikan pelajar Cina lebih fokus dengan matlamat mereka berbanding pelajar Melayu yang sering melibatkan diri dengan perkara sampingan lain di dalam kampus seperti aktif dalam kurikulum atau berpersatuan sehingga boleh menjelaskan tumpuan mereka terhadap akademik."

WAN NUR HANIS AZMAN
Universiti Sains Malaysia